



TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN

**YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

PADA
18 DISEMBER 2017 (ISNIN) JAM 10.00 PAGI

DI
DATARAN TANJUNG EMAS, MUAR, JOHOR

ANJURAN
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN,
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN
BERSAMA
MAJLIS PERBANDARAN MUAR

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Negara Ku Malaysia

YBrs. Tuan Haji On bin Jabbar @ Jaffar
Pegawai Daerah Muar

YBrs. Tuan Khairul Dzaimie Bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT

YBrs. Tuan Zamri Bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT

YBhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Che Mat

Ketua Pengarah

Jabatan Kerajaan Tempatan

YBrs. Tuan Haji Jamaludin Bin A. Hamid

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Muar

YBhg. Ketua-Ketua Jabatan

Datuk-Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah

Wakil-Wakil Agensi, Badan Bukan Kerajaan, Para Pelajar Sekolah khususnya dari Negeri Johor

Para Pempamer

YBhg. Dato'-Dato', Datin Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan seluruh rakyat Negeri Johor yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Perasmian Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Majlis Perbandaran Muar (MPM). Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur karnival dan para pempamer atas

kerjasama yang diberikan serta pengunjung yang hadir pada pagi ini.

SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA 2017

Para hadirin sekalian,

2. Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 ini adalah kali ke 8, di mana penganjuran kali pertama adalah pada tahun 2010. Karnival ini dianjurkan adalah selari dengan tujuan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan iaitu;
 - i. Menanam semangat cintakan tandas di kalangan rakyat Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap betapa pentingnya menjaga kebersihan tandas dan menyelenggara tandas supaya dalam keadaan baik,
 - ii. Menyambut Hari Tandas Sedunia sebagai satu tanda peringatan dan penghargaan kepada tandas yang menjadi keperluan penting di dalam hidup manusia, dan
 - iii. Meningkatkan imej kebersihan tandas awam Malaysia.

3. Hari Tandas Sedunia disambut pada 19 November setiap tahun di seluruh dunia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang budaya tandas bersih. Sambutan yang diadakan dengan tema berbeza setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kebersihan dan kesihatan global semasa yang khusus. Seperti diketahui umum tema Sambutan Hari Tandas Sedunia pada tahun ini ialah '*Wastewater*'.

4. Di Negara kita tahap kebersihan tandas samada tandas di tempat awam, kompleks membeli belah, sekolah, restoran, dan sebagainya masih kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Laporan, aduan dan perbincangan mengenai tandas awam yang kotor, rosak, tersumbat, berbau dan tidak disenggara dengan baik seringkali kita baca dan dengar, samada dari warga Malaysia sendiri mahupun pelancong yang berkunjung ke Negara ini. Justeru itu masalah tandas adalah satu cabaran dan ia merupakan tanggungjawab semua pihak bagi menanganinya secara dinamik.

TEMA; TANDAS BERSIH : SAYA PENDULI, ANDA?

5. Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia peringkat kebangsaan pada tahun ini ialah '**Tandas Kita: Saya Peduli, Anda?**'. Bersesuaian dengan tema tersebut, semua pihak perlu bersama-sama mengambil tahu dan memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan tandas terutamanya tandas awam.

PENGAUDITAN STAR RATING OLEH PBT

6. KPKT adalah peneraju utama bagi Program Tandas Bersih Kebangsaan. Bagi memperbaiki tahap perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai, KPKT telah mengambil inisiatif untuk mengaudit tahap kebersihan tandas awam melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan tandas awam telah diadakan saban tahun bermula pada tahun 2010 yang buat julung kalinya kaedah **Star Rating** digunakan untuk pemberian taraf kebersihan tandas awam tersebut. Terdapat 11 kategori untuk pengauditan ini iaitu tandas awam berasingan milik PBT, tandas kedai makan/restoran, tandas pusat beli belah, tandas awam stesen minyak, tandas tempat ibadat, tandas lapangan terbang, tandas awam di stesen keretapi/LRT/ERL, tandas awam stesen bas, tandas awam taman rekreasi, tandas hotel dan tandas awam jeti/pintu masuk.

7. Statistik tahun 2017 menunjukkan sebanyak 22.35% tandas awam secara keseluruhannya telah mencapai penarafan empat (4) bintang dan ke atas dan ini mempamerkan peningkatan sebanyak 2.3% berbanding tahun sebelumnya. Bagi memastikan perkara ini berterusan, semua PBT adalah diminta untuk melaksanakan penarafan bintang tandas awam di kawasan seliaan masing-masing supaya sentiasa bersih, selesa dan selamat digunakan.

PROJEK MyBM – NBOS

8. Program *My Beautiful Malaysia* (MyBM) bermula pada tahun 2014 di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Berikutan program ini KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah diamanahkan untuk melaksanakan program Baik Pulih dan Naik taraf Tandas Awam milik PBT.
9. Pada tahun 2015, sejumlah 325 buah tandas telah dikenalpasti bagi program tersebut yang melibatkan sejumlah 87 PBT dengan menelan belanja sebanyak 23.6 juta. Manakala bagi tahun 2016, sejumlah 121 buah tandas yang melibatkan 57 PBT dinaiktaraf dengan menelan belanja sebanyak 10 juta dan peruntukan juga

diberikan pada tahun 2017 dengan kos naiktaraf sebanyak **5.9 juta** bagi **53 buah tandas** yang melibatkan sejumlah **55 PBT**.

KERTAS KELULUSAN MNKT

10. KPKT juga telah mewujudkan **Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan beserta Manual Pembersihan Tandas Awam** yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-71 pada 10 Julai 2017.
11. Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam kebangsaan ini bertujuan untuk menggariskan beberapa pembaharuan, penambahbaikan dan penyelarasan yang komprehensif dan strategik bagi meningkatkan tahap kebersihan tandas di Negara ini manakala Manual Pembersihan Tandas Awam dapat mewujudkan keseragaman mengenai tatacara/ kaedah pembersihan tandas awam yang betul untuk kegunaan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

APLIKASI MyTANDAS

12. Bagi memastikan orang awam mendapat maklumat berkaitan tandas awam seluruh negara, saya difahamkan pihak KPKT sedang

membangunkan satu aplikasi yang dikenali sebagai **MyTandas**. Aplikasi ini dibangunkan bertujuan memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat carian tandas berdasarkan *star rating*, berbayar atau tidak berbayar, kemudahan OKU, kemudahan tukar lampin bayi dan banyak lagi.

13. Untuk membangunkan applikasi ini, pihak KPKT bersama PBT sedang mengumpul data asas berkaitan tandas di seluruh negara bagi tujuan perisian applikasi. Data tersebut akan direkodkan dalam satu pengkalan data yang dinamakan **Daftar Tandas Awam Seluruh Malaysia** atau **DATAM**. Saya menjangkakan applikasi ini akan membantu dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia apabila ia digunapakai kelak.

PERTANDINGAN TANDAS BERSIH 1MALAYSIA 2017

14. Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia (ATB1M) adalah salah satu program anjuran KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan dan merupakan satu usaha untuk meningkatkan tahap kualiti kebersihan tandas-tandas awam negara ini. Pertandingan ini telah dianjurkan selama lapan (8) tahun berturut-turut bermula pada tahun 2010 hingga 2017. Pada tahun 2017 sebanyak 12 kategori

telah dipertandingkan dengan 411 penyertaan diterima untuk penjurian. Kategori terlibat adalah seperti berikut iaitu PBT Bandaraya/Perbandaran, PBT Daerah, Pejabat Kerajaan, Restoran, IPTA/IPTS, Rumah Ibadat, Pusat Pelancongan, Stesyen Minyak, Pusat Beli Belah, Hentian Awam, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

15. Tujuan pertandingan ATB1M 2017 ini dianjurkan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada PBT dan pemilik-pemilik tandas dalam usaha mereka mewujudkan model tandas bersih dan seterusnya secara tidak langsung meningkatkan kesedaran orang ramai betapa pentingnya menjaga kebersihan. Statistik merekodkan terdapat peningkatan dari segi bilangan penyertaan pada tahun ini iaitu sebanyak 22% berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan terdapat anjakan pragdima tentang kepentingan menjaga kualiti kebersihan tandas terutamanya dalam PBT dan pemilik-pemilik tandas yang berkaitan.

PERANAN PBT, NGO DAN MASYARAKAT

Y. Bhg. Dato' Seri-Dato- Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

16. Usaha-usaha dalam membudayakan amalan tandas bersih yang baik ini tidak seharusnya menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata. Peranan dan penglibatan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam aspek kebersihan dan kesihatan seperti pengusaha kedai makan dan restoran, pengusaha hotel, pemilik dan pengeluar barangan sanitasi serta kontraktor pembersihan awam adalah amat penting. Selain itu, penyertaan industri-industri yang beroperasi di dalam kawasan PBT juga boleh membantu usaha-usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kebersihan dan kesihatan awam. Ini merupakan 'Corporate Social Responsibility' (CSR) yang perlu dimainkan oleh mereka. Penyertaan pelbagai pihak ini adalah selaras dengan konsep '1Malaysia' yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.
17. Saya ingin menyeru kepada semua PBT untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan semua tandas-tandas awam dan premis-premis awam dijaga kebersihannya pada tahap yang optimum. PBT juga perlu memperluaskan kempen menjaga kebersihan diri terhadap masyarakat dan kebersihan persekitaran di kawasan seliaan PBT bagi menangani isu kebersihan dan kesihatan yang saling berkaitan.

18. Saya juga berharap agar Badan Bukan Kerajaan(NGO) seperti Persatuan Bilik Air Berkualiti (QRAM), Persatuan Malaysia Singapore Coffee Shop, Persatuan Restoran Muslim Malaysia, dan Persatuan Restoran India Malaysia, Persatuan Stesen Minyak, Persatuan Pusat Membeli Belah dan Persatuan Hotel menjadi '*role model*' dan '*champion*' dalam membantu usaha-usaha kerajaan untuk menerap dan mewujudkan budaya amalan kebersihan dan kesihatan yang baik dikalangan masyarakat.
19. Orang ramai juga perlu memainkan peranan dengan membudayakan amalan penjagaan, dan penggunaan tandas secara beretika. Secara langsung ini akan mewujudkan masyarakat sejahtera dan persekitaran yang sihat, sekaligus mencerminkan imej negara yang baik, di mata pelancong serta mempertingkatkan nilai sosio ekonomi negara.
20. Akhir kata, saya menyeru sekali lagi agar semua pihak termasuklah agensi swasta, NGO dan khususnya masyarakat di Malaysia agar terus berusaha memberi sokongan padu secara berterusan terhadap usaha-usaha kerajaan dalam membudayakan tandas bersih.

PENUTUP

21. Sebagai penutup sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Karnival Hari tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 pada tahun ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor khususnya MPM atas kerjasama menganjurkan karnival kali ini. Juga tidak dilupakan, sekalung penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa dan urusetia yang telah berusaha dan memberikan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan karnival kali ini.

22. Dengan lafaz Bismillahhirahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Hari tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 **dengan tema; Tandas Kita : saya Penduli, Anda?**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih